

A. Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih kata yang paling sesuai.

setiap
lima

carik
pelbagai

jambak
buah

- 1 _____ barang keperluan harian dapat dibeli di kedai itu.
- 2 Puan Wani pergi ke pasar borong pada _____ minggu.
- 3 Ayah membeli _____ helai baju kemeja semasa jualan murah di kedai itu.
- 4 Beberapa _____ rumah di kampung itu ditenggelami air.
- 5 Pelawat-pelawat itu meletakkan se _____ bunga di Tugu Negara.
- 6 Dia mengoyakkan se _____ kain putih untuk membalut luka di jarinya.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Biasanya Pak Munir membawa dua bidang jala ke laut.

- 2 Berapa orang pelajar sedang mengulang kaji pelajaran di perpustakaan sekolah.

- 3 Pengembala itu sedang menghalau sekumpulan lembu ke dalam kandang.

- 4 Erina amat sayang akan ketiga ekor anak kucingnya.

- 5 Cikgu Tan memesan lima buah majalah pada setiap bulan.

- 6 Para-para hadirin sekalian dipersilakan ke dewan makan untuk menjamu selera.

- 7 Projek gotong-royong itu akan disertai oleh semua penduduk-penduduk Taman Muhibah.

- 8 Saya diminta untuk menyediakan dua batang payung untuk pasangan pengantin baru itu.

[16 markah]